

22 APR 2002

MCA-Sambut baik/I

TEAM B MCA SAMBUT BAIK PENANGGUHAN PEMILIHAN PARTI PERINGKAT BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Team B MCA yang diketuai Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek menyambut baik keputusan Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk menangguhkan pemilihan MCA peringkat bahagian yang dijadualkan hujung minggu ini.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta orang tengah Tan Sri Lim Kok Wing yang menyediakan agenda bagi perdamaian dan kestabilan.

Yang paling penting sekarang ialah bagi parti bersatu dan menyiapkan diri menghadapi pilihan raya umum akan datang. Ia tidak jauh lagi dan kita mahu membantu parti serta Barisan Nasional (BN) menang dengan majoriti besar, katanya semasa dihubungi malam ini.

Lim mengulas penangguhan sementara pemilihan peringkat bahagian MCA yang dijadual pada 27 dan 28 April serta proses penamaan calon yang ditetapkan hari ini dari pukul 4 petang hingga 8 malam.

Terdahulu, sebelum mengadakan persidangan akhbar mengumumkan penangguhan pemilihan itu, Dr Ling bersama Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir selama sejam di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya petang ini.

Sementara itu, Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh berkata jawatankuasa pusat MCA akan bermesyuarat esok untuk membincangkan antara lain tarikh baru bagi pemilihan parti peringkat bahagian.

Beliau berkata pemilihan cawangan yang diadakan akhir bulan lepas masih sah dan tidak terjejas dengan pengumuman penangguhan hari ini.

MCA mempunyai 166 bahagian dengan 3,600 cawangan di seluruh negara kecuali Sarawak.

Dr Ting juga berkata pemilihan parti peringkat kebangsaan bagi jawatan tinggi MCA masih seperti dijadualkan pada 26 Jun.

Bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan jawatankuasa pusat akan mengubah tarikh pemilihan itu jika dirasakan perlu.

-- BERNAMA

AT DC RON